Jawatankuasa Tetap
Pemberdayaan Wanita dan Keluarga

LAPORAN ANALISIS

PERBINCANGAN MEJA BULAT - RTD 5
PERANAN MALE ALLIES DALAM MEMPERKUKUH PENYERTAAN WANITA DALAM POLITIK DAN MENGHAPUSKAN KEGANASAN POLITIK BERASASKAN GENDER

2026

SEPTEMBER











Disediakan oleh

WANITA BERDAYA SELANGOR
Syarikat Milikan MBI Selangor

WANITA BERDAYA SELANGOR
Syarikat Milikan MBI Selangor

PERBINCANGAN MEJA BULAT 5 | SEPTEMBER 2026

WANITA DALAM POLITIK

"PERANAN *MALE ALLIES* DALAM MEMPERKUKUH PENYERTAAN WANITA DALAM POLITIK DAN MENGHAPUSKAN KEGANASAN BERASAKAN GENDER DALAM POLITIK"

Laporan ini disediakan oleh Unit Strategi dan Dasar, Wanita Berdaya Selangor (WBS). Kami menghargai segala input dan maklum balas yang diberikan sepanjang sesi perbincangan meja bulat dijalankan.

Sekalung perhargaan diucapkan kepada semua pemengang taruh yang hadir ke Perbincangan Meja Bulat yang terdiri daripada YB Tuan Rajiv a/l Rishyakaran, Para Discussant jemputan iaitu Puan Lena Hendry (*Westminster Foundation for Democracy*) dan Tuan Gopalan-K Papachan (EMPOWER Malaysia) serta wakil-wakil Pejabat EXCO, Agensi Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan merangkumi Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), Parlimen Malaysia, Suruhanjaya Pilihan Raya Negeri Selangor, serta Ahli Akademik dan Badan Pemikir, Westminster Foundation for Democracy Malaysia (WFD), Badan Bukan Kerajaan (NGO) & Masyarakat Sivil dan Anak-anak Syarikat Kerajaan Negeri yang berkaitan.

Mengenai WBS

Wanita Berdaya Selangor (WBS) telah ditubuhkan pada tahun 2021 bagi merealisasikan Dasar Wanita Selangor menerusi tiga (3) teras utama iaitu Pembangunan Dasar dan Polisi, Pemberdayaan Wanita dan Pembangunan Kapasiti. WBS juga merupakan anak Syarikat Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) dan bertindak sebagai badan pelaksana inisiatif dan program pemberdayaan wanita di bawah Jawatankuasa Tetap Pemberdayaan Wanita & Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Ekonomi Penjagaan (*Care Economy*) Negeri Selangor.

Untuk keterangan lanjut, sila layari laman sesawang WBS di
www.wbselangor.org.my atau 03 – 5545 4879

Copyright © 2026 oleh
Wanita Berdaya Selangor Sdn. Bhd.
Level G, Bangunan IDCC, Jalan Pahat L 15/L
Seksyen 15, 40200 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

ISI KANDUNGAN

Pendahuluan	**….**	**4 – 8**
Ucapan Alu-Aluan	**….**	**9 – 10**
Sesi Perkongsian Discussant dan Perbincangan Meja Bulat	**….**	**11 – 24**
Cadangan Penambahbaikan dan Resolusi	**….**	**25 – 26**
Lensa Perbincangan Meja Bulat	**….**	**27**

PENDAHULUAN

Laporan ini disediakan bagi mengumpul segala cadangan, sumbangsaran dan resolusi dalam satu dokumen untuk rujukan semua pihak berkepentingan, justeru satu perbincangan meja bulat (*Roundtable Discussion - RTD*) telah dilaksanakan oleh Wanita Berdaya Selangor (WBS) pada 7 September 2026 (Isnin) bertempat di Bilik Mesyuarat Kekwa, Seksyen Sektoral, Tingkat Bawah 5, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (SSAAS), 40503 Shah Alam.

Penyertaan wanita dalam politik merupakan komponen penting dalam membina demokrasi yang inklusif, mewakili semua pihak dan responsif terhadap keperluan seluruh masyarakat. Penglibatan wanita dalam politik bukan sekadar berkaitan dengan bilangan wanita yang memegang jawatan sebagai pembuat keputusan, tetapi turut merangkumi peluang untuk menyertai parti politik, membina pengalaman kepimpinan, memperoleh akses kepada sumber dan jaringan politik, dipilih sebagai calon, bertanding di kerusi yang berpotensi dimenangi serta memainkan peranan bermakna dalam proses pembentukan dasar dan keputusan awam. Walaupun wanita membentuk kira-kira separuh daripada penduduk Malaysia, perwakilan mereka dalam institusi politik masih rendah. Wanita kini merangkumi sekitar 13.36 peratus daripada Ahli Dewan Rakyat (222 ahli) yang sedang memegang kerusi[1]. Di peringkat negeri, keadaan yang sama turut dapat dilihat di Selangor apabila hanya sembilan daripada 56 kerusi Dewan Negeri Selangor disandang oleh wanita, bersamaan kira-kira 16 peratus[2]. Angka ini masih jauh daripada sasaran 30 peratus yang telah lama menjadi aspirasi dasar Malaysia.

Isu ini terus mendapat perhatian dalam perkembangan politik semasa. Pada Jun 2026, Jawatankuasa Pilihan Wanita, Kanak-Kanak dan Pembangunan Masyarakat mencadangkan supaya parti politik meletakkan sekurang-kurangnya 30 peratus calon wanita dalam pilihan raya umum dan pilihan raya negeri[3]. Cadangan

[1] https://www.utusan.com.my/nasional/2025/06/hanya-13-36-peratus-wanita-malaysia-jadi-ahli-parlimen/

[2] https://dewan.selangor.gov.my/dewan-negeri-selangor/

[3] https://www.parlimen.gov.my/cpsecure/resources/files/DR%207%20TAHUN%202026_FULL%20WEB%20VERSION.pdf

tersebut turut meliputi mekanisme pendanaan berasaskan insentif bagi menggalakkan pencalonan dan kemenangan calon wanita, termasuk sokongan pembiayaan kempen serta insentif kepada parti berdasarkan pencapaian representasi wanita. Pada Ogos 2026, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat turut menyatakan bahawa pelaksanaan sasaran minima 30 peratus wanita dalam politik memerlukan persetujuan semua presiden parti politik[4] kerana proses tersebut melibatkan struktur dan keputusan parti masing-masing. Perkembangan ini menunjukkan bahawa persoalan perwakilan wanita bukan sekadar mengenai dasar kerajaan, tetapi turut bergantung kepada kesediaan parti politik membuka ruang pencalonan dan kepimpinan kepada wanita. Dalam konteks ini, cabaran penyertaan politik wanita perlu dilihat secara lebih menyeluruh. Persoalan utama bukan semata-mata sama ada wanita mempunyai minat atau keupayaan untuk memimpin, tetapi sama ada ekosistem politik menyediakan akses yang adil kepada sumber kewangan, pencalonan, jaringan, *mentoring*, sokongan parti dan peluang untuk menang.

Kajian *Women and Cost of Politics in Malaysia: Towards Inclusive and Affordable Political Participation* oleh Projek SAMA dengan sokongan *Westminster Foundation for Democracy* (WFD) pada 2025 menunjukkan bahawa kos politik merupakan antara halangan penting kepada kemasukan, kelangsungan dan kemajuan wanita dalam politik Malaysia. Kos pemilihan dalaman parti, pembiayaan kempen, perkhidmatan kepada kawasan, kebergantungan kepada pembiayaan sendiri, sokongan parti yang terhad serta akses kepada jaringan penderma boleh meningkatkan beban penyertaan politik wanita. Dalam masa yang sama, kajian IDEAS pada 2026 menunjukkan bahawa kos operasi parti dan pilihan raya di Malaysia adalah tinggi, manakala pembiayaan politik masih kurang telus dan tidak seimbang. Keadaan ini mempunyai implikasi yang lebih besar terhadap wanita kerana jaringan politik, pembiayaan dan akses kepada sumber secara tradisinya lebih banyak dipengaruhi oleh jaringan yang didominasi lelaki, sekali gus memberikan kelebihan kepada calon lelaki yang telah mempunyai akses kepada penderma, sumber kewangan, jaringan politik dan sokongan institusi. Bagi wanita yang masih membina jaringan dan modal politik, keadaan ini boleh meningkatkan kos untuk mendapatkan pencalonan, membiayai kempen serta membina sokongan yang diperlukan untuk

[4] https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpwkm-teliti-lebih-100-cadangan-ngo-kumpulan-sasar-bagi-belanjawan-2027

bertanding dan menang. Justeru, persoalan penyertaan politik wanita bukan sahaja mengenai kesediaan atau keupayaan wanita untuk memimpin, tetapi turut melibatkan kesamarataan akses kepada sumber, jaringan dan peluang politik. Dalam konteks ini, *male allyship*, termasuk melalui *mentoring*, perkongsian jaringan strategik dan sokongan terhadap pencalonan serta kepimpinan wanita, berpotensi menjadi salah satu mekanisme untuk merapatkan jurang tersebut.

Dalam masa yang sama, struktur dalaman parti politik merupakan salah satu faktor penting yang menentukan laluan wanita menuju kepimpinan. Sayap wanita di dalam parti telah lama berperanan dalam menggerakkan akar umbi, kempen dan kerja komuniti, namun timbul persoalan sama ada peranan tersebut turut diterjemahkan kepada laluan kepimpinan dan pencalonan yang lebih luas. Forum yang dianjurkan oleh Wanita Berdaya Selangor (WBS) dengan kerjasama WFD pada 28 Julai 2025 mengenai relevansi sayap wanita parti turut menunjukkan bahawa struktur tersebut masih penting, tetapi perlu berfungsi sebagai laluan kepada kepimpinan, bukannya sekadar menyokong jentera kempen.

Selain itu, penyertaan politik wanita memerlukan perubahan terhadap budaya dan ekosistem politik secara keseluruhan. Peranan lelaki sebagai *male allies* adalah penting kerana keputusan berkaitan pencalonan, pengagihan sumber, kepimpinan parti dan pembentukan budaya organisasi lazimnya turut dipengaruhi oleh pemimpin serta pembuat keputusan lelaki. Kajian ALIGN dan KANITA di Malaysia mendapati bahawa lelaki dalam politik mempunyai potensi untuk menjadi agen perubahan terhadap norma gender[5], tetapi sokongan tersebut perlu diterjemahkan kepada tindakan yang konsisten untuk mengubah struktur, budaya dan amalan politik yang mengehadkan wanita. *Male allyship* dalam konteks politik tidak seharusnya terhad kepada sokongan moral. Ia boleh merangkumi tindakan seperti menyokong pencalonan wanita, membuka akses kepada jaringan politik dan penderma, menyediakan *mentoring*, memastikan wanita mendapat peluang memimpin, bersuara menentang diskriminasi gender serta menyokong perubahan dasar dan etika parti. Dalam konteks ini, peningkatan penyertaan wanita perlu difahami sebagai

[5] https://www.alignplatform.org/sites/default/files/2024-05/meninpolitics-cross-country-report-may24.pdf

tanggungjawab bersama antara wanita dan lelaki, bukannya agenda yang perlu digalas oleh wanita semata-mata.

Pada masa yang sama, aspek keselamatan dan kesejahteraan tidak boleh diketepikan. Wanita yang aktif dalam politik turut berhadapan dengan gangguan dalam talian, serangan diskriminasi gender, intimidasi dan serangan terhadap reputasi yang boleh meningkatkan kos sosial dan psikologi penyertaan. Kajian *Inter-Parliamentary Union* mendapati bahawa keganasan berasaskan gender dalam talian merupakan ancaman utama yang dihadapi oleh ahli Parlimen wanita[6]. Justeru, *Violence Against Women in Politics* (VAWP) wajar dilihat sebagai salah satu dimensi dalam memastikan wanita mampu menyertai dan kekal dalam politik secara selamat, dan bukannya sebagai keseluruhan fokus agenda penyertaan politik wanita.

Malaysia kini berada pada satu titik penting untuk menilai semula bagaimana sistem politik boleh diwujudkan supaya lebih inklusif. Dasar Wanita Negara dan Dasar dan Pelan Tindakan Wanita Selangor 2024–2026 merupakan kerangka semasa Kerajaan untuk memperkukuh pemerkasaan wanita dan melibatkan pelbagai pihak berkepentingan dalam pelaksanaannya. Pada masa yang sama, cadangan semasa berkaitan sasaran minimum 30 peratus wanita, pembiayaan politik, reformasi pencalonan dan pembangunan kepimpinan menunjukkan terdapat ruang yang besar untuk memperhalusi mekanisme pelaksanaan di peringkat nasional dan negeri. Sehubungan itu, Perbincangan Meja Bulat (Round Table Discussion – RTD) 5 dicadangkan sebagai platform strategik untuk menghimpunkan wakil kerajaan, parti politik, ahli Parlimen dan Ahli Dewan Negeri, akademia, badan pemikir, organisasi masyarakat sivil serta pemegang taruh berkaitan bagi membincangkan secara menyeluruh cabaran dan peluang dalam memperkukuh penyertaan politik Wanita dan peranan *male allies*.

RTD ini diharap dapat menghasilkan cadangan strategik yang bukan sahaja meningkatkan bilangan wanita dalam politik, tetapi turut mewujudkan ekosistem yang membolehkan wanita masuk, bertahan, berkembang dan memimpin dalam institusi demokrasi secara lebih inklusif, adil dan mampan.

[6] https://www.ipu.org/resources/publications/issue-briefs/2025-03/sexism-harassment-and-violence-against-women-in-parliaments-in-asia-pacific-region

OBJEKTIF PERBINCANGAN MEJA BULAT (RTD)

1. Menjadi platform strategik bagi mengenal pasti cabaran dan peluang untuk memperkukuh penyertaan serta perwakilan wanita dalam politik, termasuk akses kepada kepimpinan, proses pencalonan dan peluang bertanding di kerusi kompetitif.
2. Meneroka peranan parti politik dalam membangunkan laluan kepimpinan wanita melalui proses pencalonan inklusif, pembangunan leadership pipeline, mentoring dan pengagihan sumber yang lebih adil.
3. Memperkasa peranan lelaki sebagai male allies untuk membuka akses wanita kepada jaringan, sumber, mentoring dan peluang kepimpinan, serta membentuk budaya politik yang lebih inklusif dan bebas diskriminasi.
4. Menilai isu cost of politics dan akses kepada pembiayaan politik merangkumi kos pencalonan, kempen, operasi, sokongan parti serta keperluan mekanisme pembiayaan yang lebih inklusif, telus dan responsif gender.
5. Merumuskan cadangan dasar dan pembaharuan institusi bagi meningkatkan representasi wanita secara berkesan, mengurangkan halangan kewangan dan struktur, serta memastikan penyertaan politik wanita lebih selamat, mampan dan bermakna

UCAPAN ALU-ALUAN PUAN SITI FARIDAH BINTI ABDUL SAMAD

Ucapan Alu-Aluan yang telah disampaikan oleh **Puan Siti Faridah binti Abdul Samad**, Ketua Pegawai Eksekutif Wanita Berdaya Selangor (WBS). Beliau menjelaskan bahawa RTD 5 merupakan siri kelima dan terakhir sebelum kemuncak *Gender Outlook Forum* (GOF) 2026 yang dijadualkan berlangsung pada 24 September 2026 di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dengan kerjasama Pusat Kepimpinan Wanita Tun Fatimah Hashim. Siri RTD sebelumnya telah membawa tema yang berbeza, iaitu isu hamil luar nikah dan anak tidak sah taraf, impak Krisis Asia Barat terhadap usahawan wanita, wanita dan kecerdasan buatan serta ekonomi penjagaan.

Menurut beliau, tema *Women in Politics* bukan isu baharu, sebaliknya merupakan agenda jangka panjang dalam kalangan penggubal dasar dan aktivis politik wanita. Oleh itu, persoalan utama bukan lagi sekadar bagaimana meningkatkan kesedaran mengenai penyertaan wanita, tetapi bagaimana campur tangan dan sokongan yang lebih konkrit dapat mempercepat peningkatan perwakilan wanita, khususnya di Selangor.

Beliau mengetengahkan tiga isu utama untuk dibincangkan, iaitu akses dan peluang wanita untuk menyertai politik, akses kepada pembiayaan serta keganasan berasaskan gender. Dalam ketiga-tiga isu tersebut, beliau menegaskan bahawa sokongan daripada *male allies* tidak seharusnya berhenti pada sokongan moral. Sebaliknya, RTD ini bertujuan meneroka bentuk sokongan yang boleh diterjemahkan kepada tindakan dan perubahan struktur.

Beliau turut menekankan kepelbagaian pemegang taruh yang hadir, termasuk Westminster Foundation for Democracy (WFD), EMPOWER Malaysia, KPWKM, Jabatan Pembangunan Wanita, Parlimen Malaysia, wakil Dewan Negeri Selangor, organisasi masyarakat sivil dan wakil male allies. Kepelbagaian tersebut penting kerana isu penyertaan politik wanita melibatkan lebih daripada satu institusi dan memerlukan kerjasama merentas sektor.

Ucapan alu-aluan tersebut turut meletakkan RTD 5 dalam konteks GOF 2026. Resolusi dan cadangan yang diperoleh daripada perbincangan akan menjadi salah satu input untuk dibawa ke forum tersebut. Justeru, sesi ini berfungsi bukan sahaja sebagai ruang dialog, tetapi sebagai platform untuk mengumpulkan pandangan yang boleh diterjemahkan kepada agenda dasar dan tindakan susulan.

SESI PERKONGSIAN *DISCUSSANT* DAN PERBINCANGAN MEJA BULAT

Sesi perbincangan berlangsung dengan format perkongsian oleh *discussant* diikuti perbincangan dan sumbang saran daripada pemegang taruh. Puan Lina Henry daripada *Westminster Foundation for Democracy* (WFD) berkongsi perspektif berkaitan kos politik, keganasan politik berasaskan gender dan kepentingan *male allies* dalam memecahkan halangan sistematik. Tuan Gopalan daripada EMPOWER Malaysia pula sebagai discussant yang membawa perspektif mengenai pembinaan sistem politik yang selamat dan reformasi struktur. Dalam perbincangan seterusnya, peserta daripada KPWKM, Jabatan Pembangunan Wanita Selangor, Parlimen Malaysia dan Projek SAMA turut mengembangkan isu tersebut melalui perspektif data, kepimpinan, reformasi parti dan reka bentuk institusi. Antara intipati sesi perbincangan meja bulat adalah seperti berikut;

1. Tahap Penglibatan Wanita dan Keperluan Memperluas Perbincangan

Perbincangan bermula dengan melihat tahap penglibatan wanita dalam politik pada masa kini. Mengikut data yang dikongsikan oleh WBS, wanita hanya mengisi sekitar 13.36% kerusi di Dewan Rakyat, manakala di Selangor, wanita memegang 9 daripada 56 kerusi Dewan Undangan Negeri, bersamaan kira-kira 16%. Angka tersebut menunjukkan bahawa sasaran sekurang-kurangnya 30% representasi wanita masih belum dicapai dan memerlukan usaha yang lebih sistematik dan berterusan.

Walau bagaimanapun, perbincangan menegaskan bahawa isu representasi tidak boleh diselesaikan hanya dengan meminta lebih ramai wanita bertanding dalam pilihan raya. Persoalan yang lebih asas ialah bagaimana sistem politik menentukan siapa yang mempunyai peluang untuk menjadi calon, siapa yang mempunyai akses kepada sumber kewangan dan jaringan politik, serta siapa yang mempunyai pengaruh dalam proses membuat keputusan.

Dalam konteks tersebut, penyertaan wanita perlu dilihat sebagai satu proses yang merangkumi pelbagai peringkat, bermula daripada penglibatan di akar umbi, pembinaan pengalaman dan jaringan, pembangunan kepimpinan, proses pemilihan

calon, pencalonan dan akhirnya akses kepada kerusi serta jawatan kepimpinan. Kekurangan representasi di peringkat akhir boleh berpunca daripada halangan yang berlaku jauh lebih awal dalam proses tersebut.

WBS turut menekankan kepentingan *male allies* dalam usaha memperluas penyertaan wanita. Memandangkan struktur politik melibatkan lelaki dan wanita, tanggungjawab untuk mewujudkan perubahan tidak seharusnya diletakkan sepenuhnya kepada wanita. Lelaki yang berada dalam struktur kuasa dan membuat keputusan juga perlu memainkan peranan dalam mengubah budaya, membuka peluang dan menyokong reformasi yang dapat memperluas ruang politik kepada wanita.

2. Kos Politik dan Beban Kewangan Sepanjang Kitaran Politik

Menurut WFD, kos politik yang tinggi merupakan salah satu halangan utama kepada penyertaan wanita. Dalam perbincangan, wang bukan sahaja dilihat sebagai kos operasi pilihan raya, tetapi juga boleh berfungsi sebagai mekanisme saringan yang menentukan siapa yang mempunyai kapasiti untuk memasuki dan kekal dalam politik. Dalam keadaan tertentu, kemampuan kewangan boleh menjadi ukuran tidak rasmi terhadap daya maju seseorang calon, walaupun kemampuan tersebut tidak semestinya mencerminkan kepimpinan, pengalaman atau sokongan masyarakat yang dimiliki.

Isu ini memberi implikasi khusus kepada wanita yang membina perjalanan politik melalui aktivisme masyarakat, gerakan pelajar, kerja sukarela atau penglibatan di peringkat akar umbi. Laluan tersebut boleh menghasilkan pengalaman, kredibiliti dan jaringan komuniti, tetapi tidak semestinya menyediakan akses kepada kekayaan keluarga, rangkaian penderma atau naungan politik yang diperlukan apabila seseorang mula bergerak ke arah pencalonan.

Kos politik juga perlu difahami sebagai kos yang terkumpul sepanjang perjalanan politik, dan bukan hanya perbelanjaan yang berlaku ketika tempoh kempen rasmi. Sebelum pencalonan, seseorang calon perlu membina kedudukan politik, meningkatkan *visibility*, membina jaringan dan mendapatkan sokongan. Ketika pilihan

raya pula, kos merangkumi pelbagai keperluan termasuk deposit, bahan kempen, logistik, pengangkutan, sewaan ruang, pekerja kempen, pengurusan media sosial, mobilisasi dan bahan komunikasi. Selepas pilihan raya, perbelanjaan dan komitmen masih boleh berterusan melalui pengurusan pusat khidmat, program komuniti dan hubungan dengan pengundi.

Dalam perkongsian tersebut, deposit pilihan raya turut dirujuk sebagai salah satu kos awal yang perlu disediakan oleh calon. WFD menyatakan angka deposit dan kos berkaitan berdasarkan dapatan kajian mereka, termasuk RM10,000 bagi peringkat Parlimen dan RM5,000 bagi peringkat negeri, di samping kos bahan kempen dan pembersihan. Angka tersebut direkodkan sebagai input WFD dalam sesi dan tidak disahkan secara berasingan dalam laporan ini.

WFD turut menjelaskan bahawa had perbelanjaan formal tidak semestinya menggambarkan keseluruhan kos sebenar yang ditanggung oleh calon. Perbelanjaan pra-kempen, perbelanjaan parti, sumbangan atau perbelanjaan pihak ketiga serta pengiklanan digital boleh mewujudkan kos tambahan yang tidak semestinya kelihatan dalam perbelanjaan kempen rasmi. Dalam konteks wanita yang tidak mempunyai sumber kewangan atau jaringan penderma yang kukuh, keadaan ini boleh meningkatkan lagi jurang akses kepada politik.

Beban kewangan juga berkait dengan bentuk kerja politik yang tidak bergaji. Ramai wanita memulakan penglibatan politik melalui kerja sukarela dalam struktur parti dan komuniti. Walaupun kerja tersebut memerlukan masa, tenaga dan perbelanjaan sendiri, tidak terdapat jaminan bahawa usaha tersebut akhirnya membawa kepada pencalonan. Keadaan ini berpotensi menjadi halangan kepada individu yang tidak mempunyai sumber kewangan alternatif atau fleksibiliti masa untuk menanggung kos tersebut dalam tempoh yang panjang.

Perbincangan ini menunjukkan bahawa isu pembiayaan bukan sekadar persoalan tentang berapa banyak wang yang diperlukan untuk berkempen. Ia berkait dengan persoalan siapa yang mampu memasuki sistem politik, siapa yang mampu bertahan dan siapa yang mempunyai sumber untuk membina kedudukan politik dalam

jangka panjang. Oleh itu, kos politik perlu dilihat sebagai sebahagian daripada persoalan kesaksamaan akses kepada penyertaan politik.

3. ***Leadership Pipeline*, Pemilihan Calon dan Akses kepada Kerusi**

Perbincangan mengenai kos politik kemudiannya berkait rapat dengan proses pemilihan calon dan persoalan *winnability*. Dalam sistem *first-past-the-post*, parti politik mempunyai dorongan untuk memilih calon yang dianggap mempunyai peluang tinggi untuk menang. Walau bagaimanapun, penggunaan konsep *winnability* menimbulkan persoalan tentang bagaimana kebolehan menang ditentukan dan sama ada ukuran tersebut diterapkan secara sama rata kepada calon lelaki dan wanita.

WFD berkongsi pengalaman seorang pemimpin wanita dari Sabah yang telah berkhidmat dan membina sokongan di sesuatu kawasan untuk tempoh yang panjang tetapi masih menghadapi kesukaran mendapatkan kerusi yang dijanjikan. Contoh tersebut digunakan untuk menunjukkan bahawa pengalaman, kerja akar umbi dan tempoh khidmat tidak semestinya menjamin pencalonan apabila keputusan akhir masih bergantung kepada pertimbangan kepimpinan parti serta persaingan untuk mendapatkan kerusi.

Perbincangan turut menyentuh bahawa wanita boleh dinilai berdasarkan tahap *visibility*, *loyalty* dan *winnability* yang tinggi, sedangkan akses untuk membina ketiga-tiga elemen tersebut tidak semestinya diberikan secara sama rata. Keadaan ini boleh mewujudkan satu kitaran. Wanita perlu mempunyai pengalaman dan *visibility* untuk dianggap layak, tetapi tanpa akses kepada ruang kepimpinan, jaringan dan peluang pencalonan, mereka sukar mendapatkan pengalaman yang diperlukan untuk membuktikan *winnability* tersebut.

Atas sebab itu, proses pemilihan calon menjadi salah satu titik intervensi yang penting. Perubahan kepada struktur dalaman parti, garis panduan pencalonan dan peranan jawatankuasa pemilihan berpotensi mempengaruhi keseluruhan proses sebelum seseorang calon sampai ke pilihan raya.

Dalam masa yang sama, KPWKM menekankan bahawa pembangunan kepimpinan wanita perlu dilihat melalui konsep *Gender-Responsive Leadership* dan keseluruhan *leadership pipeline*. Fokus tidak seharusnya hanya diberikan kepada jumlah wanita di peringkat paling atas, tetapi perlu melihat perjalanan seseorang individu daripada peringkat akar umbi kepada kepimpinan parti dan seterusnya ke institusi legislatif.

Pendekatan *pipeline* memerlukan perhatian kepada setiap peringkat perjalanan tersebut. Sekiranya sesuatu parti mempunyai ramai wanita di peringkat sayap atau akar umbi tetapi jumlah tersebut berkurang dengan ketara apabila sampai ke peringkat kepimpinan dan pencalonan, titik kehilangan tersebut perlu dikenal pasti. Tanpa pemahaman ini, perbincangan mengenai kekurangan wanita dalam politik mudah terhenti pada persoalan jumlah akhir tanpa mengenal pasti mekanisme yang menyebabkan penyertaan berkurangan sepanjang perjalanan.

Dalam konteks pembangunan bakat pula, *leadership pipeline* bukan sekadar soal latihan. Ia turut melibatkan akses kepada pengalaman, jaringan, *visibility*, *mentorship*, *sponsorship* dan peluang sebenar untuk memegang tanggungjawab. Oleh itu, pembangunan kepimpinan wanita perlu berlaku secara berterusan sebelum proses pencalonan bermula.

KPWKM turut memberi contoh bahawa *male allies* boleh membantu dalam pembangunan kemahiran seperti penyampaian ucapan dan komunikasi awam. Ini menunjukkan bahawa sokongan dalam bentuk *sponsorship* boleh berlaku melalui perkongsian pengalaman, bimbingan dan pembukaan ruang kepada wanita untuk memperoleh pengalaman yang sebelum ini mungkin sukar dicapai.

Dengan demikian, isu pencalonan tidak boleh dipisahkan daripada persoalan pembangunan kepimpinan. Akses kepada kerusi pilihan raya merupakan hasil daripada proses yang bermula lebih awal, termasuk peluang untuk membina pengalaman, mendapatkan *visibility*, membentuk jaringan dan memperoleh sokongan dalam struktur organisasi.

4. ***Male Allies*, *Sponsorship* dan Jaringan Politik Tidak Formal**

Konsep *male allies* menjadi salah satu fokus utama dalam RTD 5. WBS menegaskan bahawa sokongan moral atau kata-kata semangat semata-mata tidak lagi mencukupi. Peranan lelaki perlu diterjemahkan kepada tindakan yang dapat membuka akses dan peluang sebenar kepada wanita.

WFD menekankan bahawa isu wanita tidak wajar dilihat sebagai masalah wanita semata-mata sehingga seluruh beban perubahan diletakkan di bahu wanita. Memandangkan sebahagian struktur kepimpinan dan kuasa politik masih dikuasai oleh lelaki, lelaki yang berada dalam kedudukan tersebut mempunyai tanggungjawab untuk memainkan peranan aktif dalam membuka ruang serta menyokong perubahan yang memberi manfaat kepada wanita dan kumpulan yang kurang terwakili.

KPWKM mencadangkan pendekatan yang lebih praktikal melalui konsep *sponsorship*. Lelaki dalam kepimpinan parti boleh membantu pemimpin wanita bukan sekadar melalui *mentorship*, tetapi dengan menghubungkan mereka kepada jaringan strategik dan menyokong perkembangan kerjaya politik mereka. Dalam konteks ini, *sponsorship* tidak semestinya bermaksud bantuan kewangan, tetapi lebih kepada penggunaan kedudukan dan pengaruh untuk membuka akses kepada peluang yang sukar dicapai tanpa sokongan tersebut.

Perbezaan antara *mentor* dan *sponsor* menjadi penting dalam konteks politik. Seorang mentor lazimnya berkongsi pengetahuan, pengalaman, panduan dan nasihat, manakala seorang sponsor melangkah lebih jauh dengan menggunakan pengaruhnya untuk membuka pintu kepada peluang tertentu. Dalam arena politik, bentuk *sponsorship* ini boleh diterjemahkan melalui tindakan memperkenalkan calon wanita kepada barisan pimpinan, memberikan ruang untuk berucap di pentas penting, menyokong kedudukan mereka dalam proses pemilihan parti atau memperjuangkan nama mereka dalam proses pencalonan.

Sejajar dengan itu, Projek SAMA menekankan bahawa kedudukan *male allies* dalam struktur kuasa turut menentukan keberkesanan sokongan mereka. Sekiranya *male allies* berada dalam Majlis Tertinggi atau jawatankuasa pemilihan, sokongan

mereka mempunyai potensi impak yang lebih besar kerana mereka mempunyai akses dan kuasa membuat keputusan. Dengan demikian, *male allyship* bukan hanya persoalan sikap, tetapi juga bagaimana kuasa dan kedudukan yang sedia ada digunakan untuk membuka ruang kepada wanita.

Perbincangan ini kemudiannya berkait dengan persoalan *boys club* dan jaringan politik tidak formal. WFD membangkitkan bagaimana kelompok dan pergaulan tidak formal sesama lelaki boleh menjadi ruang untuk membina kepercayaan, bertukar maklumat dan menawarkan peluang politik yang sukar disertai oleh wanita.

Perbincangan mengenai budaya tersebut tidak bermaksud semua jaringan lelaki bersifat negatif. Isu yang diketengahkan ialah apabila jaringan tidak formal menjadi saluran penting kepada peluang politik tetapi wanita tidak mempunyai akses yang setara. Dalam keadaan sedemikian, struktur formal mungkin kelihatan neutral, namun hasilnya masih boleh menghasilkan ketidakseimbangan kerana sebahagian keputusan dan peluang terbentuk melalui hubungan yang tidak formal.

Dalam konteks ini, *male allies* boleh membantu membuka dan menyusun semula jaringan supaya lebih inklusif. Lelaki yang telah mempunyai akses kepada jaringan tersebut boleh memperkenalkan wanita kepada ruang yang sebelum ini tertutup, meningkatkan *visibility* mereka dan memastikan peluang tidak hanya terbentuk dalam lingkungan tidak formal yang didominasi oleh satu gender.

Isu tersebut turut berkait dengan pembentukan *political capital*. Sekiranya sebahagian besar *political capital* dibina melalui hubungan tidak formal, maka penambahan program latihan semata-mata mungkin tidak mencukupi. Perubahan juga perlu berlaku pada budaya jaringan dan cara akses kepada peluang politik dibentuk.

5. Keselamatan Politik, Keganasan Berasaskan Gender dan *Retention* Wanita

Persekitaran digital menjadi salah satu ruang penting dalam politik masa kini dan pada masa yang sama menjadi saluran serangan terhadap wanita. WFD menyatakan bahawa serangan terhadap calon wanita berlaku dalam talian dan luar talian, termasuk penghinaan, seksualisasi, *body shaming* dan ancaman. Bentuk serangan sedemikian bukan sahaja memberi kesan kepada individu yang menjadi sasaran, malah berpotensi mempengaruhi kesediaan wanita lain untuk memasuki atau kekal dalam politik.

Salah satu cabaran yang dikenal pasti ialah *under-reporting*. Maklumat mengenai insiden keganasan terhadap wanita dalam politik masih tidak konsisten. Tanpa mekanisme dokumentasi yang sistematik, skala masalah sukar diukur dan pengalaman mangsa sukar diterjemahkan kepada intervensi institusi. Oleh itu, isu keselamatan politik perlu dilihat bukan hanya dari perspektif perlindungan individu, tetapi juga dari sudut kewujudan mekanisme pelaporan dan dokumentasi yang berkesan.

WBS mengembangkan perbincangan ini kepada konsep *talent retention* berkenaan pencapaian sasaran 30% yang tidak seharusnya dianggap sebagai end game sekiranya wanita yang telah memasuki politik tidak dapat kekal dalam ruang tersebut secara selamat. Perspektif ini mengubah fokus daripada sekadar mengukur berapa ramai wanita yang berjaya memasuki politik kepada persoalan sama ada mereka dapat kekal, berkembang dan memegang tanggungjawab kepimpinan dalam jangka panjang.

Dalam konteks ini, ruang politik yang selamat merangkumi keselamatan fizikal, digital, reputasi dan profesional. Ia juga memerlukan budaya organisasi yang tidak menormalisasikan seksisme atau gangguan. *Male allies* boleh menjadi sebahagian daripada sistem sokongan dengan menegur tingkah laku yang tidak sesuai, menyokong wanita yang menjadi sasaran serta membantu memastikan mekanisme organisasi berfungsi.

Perbincangan turut menunjukkan bahawa intervensi untuk membina ruang politik yang lebih selamat tidak semestinya memerlukan kos yang tinggi. JPW mencadangkan penggunaan platform digital dan *e-poster* untuk membawa mesej politik tanpa keganasan berasaskan gender, yang boleh disepadukan dengan kempen anti-buli, anti-keganasan dan gangguan seksual sedia ada.

Selain itu, cadangan *male ally pledge* dikemukakan sebagai salah satu bentuk intervensi yang mudah dilaksanakan tetapi mempunyai nilai simbolik dan pendidikan. Melalui komitmen terbuka untuk menolak gangguan, ugutan dan bahasa berunsur seksis, male allies boleh memainkan peranan dalam membentuk norma baharu dalam ruang politik.

Walaupun intervensi seperti kempen digital dan *pledge* tidak menggantikan reformasi struktur, pendekatan tersebut boleh menjadi langkah awal untuk meningkatkan kesedaran, menggalakkan perubahan norma dan membina sokongan terhadap usaha mewujudkan ruang politik yang lebih selamat.

6. Data *Gender-Disaggregated*, Pemantauan dan Mekanisme Pelaporan

Kekurangan data *gender-disaggregated* dikenal pasti sebagai salah satu cabaran struktur dalam usaha memahami kedudukan wanita dalam politik. JPW menegaskan bahawa data diperlukan bukan sahaja untuk mengetahui jumlah wanita dalam politik, tetapi juga untuk memahami kedudukan wanita pada setiap peringkat *leadership pipeline*.

Data yang diperlukan boleh merangkumi komposisi gender dalam struktur parti, cawangan, sayap, jawatan kepimpinan, jawatankuasa pemilihan, proses pencalonan dan institusi legislatif. Pengumpulan data pada setiap peringkat membolehkan pihak berkepentingan mengenal pasti di mana sebenarnya berlaku jurang penyertaan. Sebagai contoh, jumlah wanita dalam keahlian parti yang tinggi tidak semestinya diterjemahkan kepada jumlah wanita yang berada dalam kepimpinan parti atau dipilih sebagai calon pilihan raya.

Dalam konteks ini, data perlu dilihat sebagai instrumen untuk memahami keseluruhan *pipeline*, bukannya hanya sebagai statistik representasi akhir. Data mengenai pencalonan, pemilihan calon, jawatan kepimpinan dan penyertaan dalam institusi legislatif boleh membantu mengenal pasti titik-titik dalam sistem yang menyebabkan penyertaan wanita berkurangan.

Keperluan data turut berkait secara langsung dengan isu keselamatan. Jika insiden keganasan politik berasaskan gender tidak direkodkan secara sistematik, masalah *under-reporting* boleh menyebabkan skala sebenar isu kelihatan lebih kecil daripada keadaan sebenar. Oleh itu, mekanisme pengumpulan data perlu turut merangkumi rekod berkaitan gangguan, ugutan dan bentuk keganasan politik berasaskan gender yang lain.

Pendekatan berasaskan data juga membolehkan kemajuan diukur dari semasa ke semasa. Sasaran 30%, misalnya, tidak seharusnya diukur berdasarkan jumlah kerusi semata-mata. Ia boleh disokong dengan indikator yang melihat pencalonan, *leadership pipeline*, kepimpinan parti, *retention* dan keselamatan. Dengan demikian, penilaian kemajuan kesaksamaan gender boleh mengambil kira keseluruhan proses penyertaan, bukan hanya hasil akhir.

7. Reformasi Dalaman Parti dan Struktur Politik

Perbincangan mengenai kesaksamaan gender turut membawa perhatian kepada keperluan melihat semula struktur dalaman parti politik dan reka bentuk institusi yang lebih luas. Parlimen Malaysia menekankan bahawa perlembagaan parti boleh menjadi salah satu instrumen penting untuk mengubah amalan yang telah lama berakar dalam struktur politik. Menurut pandangan beliau, garis panduan yang lebih tegas dalam perlembagaan parti berpotensi mencorakkan proses dalaman serta memberikan tekanan institusi kepada parti untuk berubah.

Perspektif ini membawa perbincangan daripada pendekatan yang bergantung kepada komitmen individu kepada pendekatan yang lebih berstruktur. Jika kesaksamaan gender hanya bergantung kepada komitmen pemimpin atau individu tertentu, tahap pelaksanaan boleh berubah mengikut kepimpinan dan keadaan politik.

Sebaliknya, peruntukan yang jelas dalam peraturan atau perlembagaan organisasi berpotensi menyediakan asas yang lebih konsisten kepada pelaksanaan.

Walau bagaimanapun, kandungan khusus perlembagaan atau peraturan parti tidak dibincangkan secara terperinci dalam sesi. Oleh itu, cadangan tersebut direkodkan sebagai salah satu arah reformasi yang memerlukan penelitian lanjut dan bukan sebagai model perlembagaan tertentu yang telah dipersetujui.

Perbincangan kemudiannya diperluas oleh Projek SAMA kepada persoalan tentang peranan struktur politik dan institusi dalam meningkatkan representasi wanita. Perspektif ini menekankan bahawa perubahan tidak semestinya bergantung sepenuhnya kepada perubahan budaya dalam parti. Struktur institusi dan bentuk insentif yang diwujudkan oleh sistem politik juga boleh mempengaruhi tingkah laku parti serta peluang wanita untuk mendapatkan akses kepada ruang politik.

Antara pilihan reka bentuk institusi yang dibincangkan ialah kerusi lantikan dengan mekanisme kuota wanita, kerusi tambahan khusus wanita, sistem perwakilan berkadar dan daerah pilihan raya berbilang ahli. Cadangan-cadangan ini dikemukakan sebagai beberapa pilihan yang boleh dikaji apabila sistem sedia ada menghadapi kekangan dari segi jumlah kerusi dan persaingan untuk kerusi yang dianggap *safe seat.*

Projek SAMA menjelaskan bahawa dalam sistem *first-past-the-post*, peningkatan jumlah wanita di kerusi pilihan raya boleh berdepan dengan kekangan apabila jumlah kerusi adalah terhad dan peningkatan pencalonan wanita berpotensi dilihat sebagai persaingan terhadap penyandang sedia ada. Dalam keadaan parti turut menilai calon berdasarkan *winnability*, perubahan struktur atau insentif mungkin diperlukan sekiranya sasaran representasi mahu dicapai secara lebih sistematik.

Cadangan kerusi lantikan pula dibincangkan sebagai salah satu mekanisme yang berpotensi menambah representasi tanpa bergantung sepenuhnya kepada pertandingan bagi kerusi pilihan raya sedia ada. Namun begitu, mekanisme sedemikian memerlukan penelitian lanjut mengenai kuasa undang-undang, reka

bentuk proses pelantikan, legitimasi demokratik dan kesesuaiannya dengan struktur institusi negeri.

Dalam masa yang sama, perbincangan turut melihat struktur kepimpinan Dewan Undangan Negeri sebagai satu lagi ruang intervensi. Representasi wanita bukan sahaja boleh dinilai berdasarkan bilangan wanita yang menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri, tetapi juga berdasarkan akses mereka kepada jawatan yang memberikan pengaruh terhadap agenda dan proses pembuatan keputusan, termasuk jawatan pengerusi jawatankuasa pilihan serta kedudukan kepimpinan Dewan.

Antara idea yang dikemukakan ialah prinsip keseimbangan gender antara Speaker dan Timbalan Speaker. Cadangan ini dibawa sebagai contoh reka bentuk institusi yang boleh dipertimbangkan bagi memperluas dimensi representasi wanita dalam struktur kepimpinan legislatif. Walau bagaimanapun, ia masih memerlukan penelitian lanjut sebelum boleh diterjemahkan kepada cadangan rasmi.

Secara keseluruhannya, perbincangan ini menunjukkan bahawa reformasi dalaman parti dan reformasi institusi merupakan dua tahap intervensi yang berbeza tetapi saling melengkapi. Reformasi dalaman lebih berkait dengan peraturan, proses pencalonan dan budaya organisasi parti, manakala reformasi institusi melibatkan struktur representasi, reka bentuk pilihan raya dan mekanisme kepimpinan legislatif. Kedua-duanya boleh dipertimbangkan secara serentak, tetapi mempunyai pelaksana, instrumen dan implikasi yang berbeza.

8. Pembiayaan Politik dan Insentif Kesaksamaan Gender

Isu pembiayaan merupakan sebahagian daripada perbincangan mengenai struktur peluang dalam politik. Projek SAMA mengemukakan cadangan pembiayaan awam kepada parti politik atau kaukus sebagai salah satu bentuk insentif bagi meningkatkan perwakilan wanita. Cadangan ini berasaskan idea bahawa sumber kewangan dan insentif institusi boleh digunakan untuk menggalakkan parti memberikan lebih banyak ruang kepada wanita.

Antara pendekatan yang dibincangkan ialah pemberian dana yang berkadar dengan tahap perwakilan wanita. Sebagai contoh yang dibawa dalam sesi, parti atau kaukus yang mempunyai peratusan wanita yang lebih tinggi boleh menerima peruntukan tambahan. Mekanisme sedemikian berpotensi menghubungkan akses kepada sumber institusi dengan pencapaian outcome berkaitan kesaksamaan gender.

Perbincangan turut menyentuh bahawa pembiayaan tidak semestinya perlu diberikan secara terus kepada struktur parti. Dalam konteks negeri, mekanisme pembiayaan boleh dikaji melalui kaukus parti di Dewan Undangan Negeri. Pendekatan ini bagaimanapun membuka persoalan mengenai bentuk tadbir urus, kelayakan penerima, ketelusan penggunaan dana serta mekanisme pemantauan yang perlu diwujudkan.

Cadangan pembiayaan awam juga perlu dilihat bersama isu kos politik yang telah dibangkitkan dalam perbincangan terdahulu. Jika kos politik menjadi salah satu *gatekeeper* kepada pencalonan, mekanisme pembiayaan yang lebih tersusun berpotensi mengurangkan kebergantungan calon kepada kekayaan peribadi atau rangkaian penderma. Dalam konteks wanita yang mungkin mempunyai akses yang lebih terhad kepada sumber tersebut, aspek pembiayaan menjadi sebahagian daripada persoalan akses kepada peluang politik.

Walau bagaimanapun, cadangan pembiayaan awam ini masih merupakan cadangan untuk pertimbangan dan memerlukan penelitian lanjut dari segi bidang kuasa, kerangka perundangan, sumber fiskal, bentuk agihan serta reka bentuk mekanisme sebelum boleh diterjemahkan kepada dasar atau instrumen pelaksanaan.

9. Norma Budaya, *Care Politics* dan Beban Masa

WFD turut menghubungkan penyertaan wanita dalam politik dengan isu *care politics* dan ekonomi penjagaan. Menurut WFD, wanita masih dijangka menguruskan keluarga, menyediakan keperluan domestik, menjaga anak dan melaksanakan tanggungjawab penjagaan walaupun mereka pada masa yang sama terlibat dalam pekerjaan atau aktiviti politik.

Keadaan ini menjadi lebih ketara apabila mengambil kira bentuk kerja politik yang memerlukan komitmen selepas waktu pejabat. Aktiviti politik boleh melibatkan program komuniti, mesyuarat, acara dan mobilisasi pada waktu malam. Apabila tanggungjawab penjagaan masih tertumpu kepada wanita, tuntutan tersebut boleh menghasilkan beban masa yang tidak seimbang dan mengehadkan keupayaan mereka untuk membina jaringan, menghadiri aktiviti politik serta mengambil peluang kepimpinan.

Persoalan ini menunjukkan bahawa penyertaan politik tidak boleh dilihat sebagai ruang yang terpisah daripada kehidupan keluarga. Struktur politik yang mengandaikan seseorang mempunyai masa yang tidak terhad untuk membina jaringan, menghadiri mesyuarat atau menyertai aktiviti selepas waktu pejabat secara tidak langsung boleh mewujudkan kelebihan kepada individu yang mempunyai lebih banyak sokongan domestik dan masa yang fleksibel.

Dalam konteks *male allyship*, WFD mengaitkan peranan lelaki bukan sahaja dengan sokongan di dalam parti atau institusi politik, tetapi juga dengan perubahan di peringkat rumah tangga. Pembahagian tanggungjawab penjagaan yang lebih seimbang membolehkan wanita mempunyai ruang masa yang lebih adil untuk terlibat dalam politik. Pendekatan ini memperluaskan konsep *male allyship* daripada sekadar sokongan terhadap wanita dalam organisasi kepada perubahan norma sosial yang menyokong penyertaan wanita secara lebih menyeluruh.

Dengan demikian, persoalan penyertaan wanita dalam politik tidak hanya berkaitan dengan akses kepada kerusi, pembiayaan atau proses pemilihan calon. Ia turut dipengaruhi oleh keadaan sosial yang menentukan siapa mempunyai masa, jaringan dan sokongan untuk membina kerjaya politik. Isu *care politics* menjadi penting kerana kelangsungan penyertaan wanita bergantung bukan sahaja kepada peluang yang diberikan oleh institusi politik, tetapi juga kepada keadaan yang membolehkan wanita mengambil peluang tersebut.

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN DAN RESOLUSI

Berdasarkan keseluruhan perbincangan, empat resolusi strategik dirumuskan. Resolusi ini tidak dimaksudkan sebagai keputusan dasar yang telah diluluskan, tetapi sebagai cadangan yang boleh dibawa untuk penelitian, penghalusan dan penetapan tindakan susulan. Setiap resolusi dihuraikan dengan lebih terperinci supaya hubungan antara isu, cadangan dan tindakan dapat dikenal pasti.

1. **Mendesak Reformasi Sistemik dalam Parti Politik bagi Memperkukuh Kesaksamaan Gender dan Perwakilan Wanita**

   Mendesak parti politik untuk meminda polisi dan perlembagaan parti bagi memasukkan prinsip kesaksamaan gender, sasaran sekurang-kurangnya 30% perwakilan wanita, serta mekanisme yang lebih jelas dalam pencalonan dan pemilihan calon wanita. Reformasi turut perlu merangkumi kod etika dan mekanisme perlindungan bagi menangani gangguan, ugutan, diskriminasi, seksisme dan *Violence Against Women in Politics* (VAWP), dengan penglibatan *male allies* sebagai sebahagian daripada usaha mewujudkan ruang politik yang selamat dan inklusif.

2. **Membentuk *Gender-Responsive Political Leadership Pipeline* dan Memperkukuh Peranan Sponsorship serta *Male Allyship***

   Membangunkan *political leadership pipeline* yang responsif gender, daripada peringkat akar umbi, kepimpinan komuniti dan parti sehingga proses pencalonan politik, berasaskan data komposisi gender dan mekanisme mengenal pasti serta membangunkan bakat wanita. *Male allies* perlu memainkan peranan secara aktif sebagai *sponsors*, mentor dan pembuka ruang dengan menyediakan akses kepada jaringan, latihan, sumber, peluang kepimpinan dan sokongan dalam proses pencalonan, tanpa mewujudkan kebergantungan atau mengambil alih autonomi wanita dalam membuat keputusan.

3. **Mewujudkan Mekanisme Pembiayaan Politik yang Lebih Saksama serta Memperkukuh Latihan dan Keselamatan Wanita dalam Politik**

   Mewujudkan mekanisme pembiayaan yang lebih inklusif bagi menyokong penyertaan dan pencalonan wanita dalam politik, termasuk peruntukan atau dana khas, sokongan persediaan calon serta mekanisme pembiayaan parti yang memberi insentif kepada pencalonan dan pemilihan lebih ramai wanita. Pada masa yang sama, memperkukuh *gender sensitivity*, kepimpinan politik dan latihan keselamatan digital bagi calon serta ahli parti, termasuk strategi komunikasi dan kempen digital berasaskan naratif alternatif untuk menangani stereotaip, seksisme, gangguan dan VAWP dalam ruang digital.

4. **Memperkasa Program *Male Allyship* dan Pendidikan Kesaksamaan Gender Secara Berperingkat**

   Melaksanakan program *male allyship* dan pendidikan kesaksamaan gender di peringkat sekolah sebagai pendedahan awal kepada remaja lelaki, merangkumi kefahaman tentang kesaksamaan gender, stereotaip, gangguan, keganasan berasaskan gender dan VAWP. Program ini seterusnya diperluaskan ke institusi pengajian tinggi, tempat kerja, parti politik dan komuniti bagi membentuk norma sosial serta budaya politik yang lebih selamat, inklusif dan bebas daripada diskriminasi berasaskan gender.

LENSA PERBINCANGAN MEJA BULAT























JAWATANKUASA TETAP PEMBERDAYAAN WANITA & KELUARGA, KEBAJIKAN MASYARAKAT DAN EKONOMI PENJAGAAN (*CARE ECONOMY*) NEGERI SELAGOR

Tingkat 15, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah

40503 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

WANITA BERDAYA SELANGOR

Syarikat Milikan MBI Selangor

WANITA BERDAYA SELANGOR SDN. BHD.

Level G, Bangunan IDCC, Jalan Pahat L 15/L

Seksyen 15, 40200 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan



Imbas untuk ke laman sesawang